

# Dr. Mahathir dibenar pulang

Um - 13/2/2007

KUALA LUMPUR 12 Feb. - "Saya sihat, tiada apa-apa," kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila dibenarkan pulang petang ini setelah menjalani rawatan sejak semalam di Institut Jantung Negara (IJN) kerana jangkitan flu.

Dr. Mahathir, yang berbaju kemeja lengan panjang berwarna biru muda, kelihatan ceria sambil diiringi isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan berkata kemasukannya ke IJN "hanya untuk pemeriksaan biasa."

"Mereka kata tidak ada apa-apa," katanya kepada pemberita ketika

ditemui di ruang legar IJN untuk pulang pada 4.15 petang ini.

Sementara itu, pakar kardiologi IJN, Datuk Dr. Mohd Nasir Muda yang mengiringi Dr. Mahathir berkata: "Beliau dimasukkan ke sini kerana jangkitan flu."

"Seperti biasa kami menjalankan ujian darah dan beliau didapati sihat," katanya.

Beliau berkata, Dr. Mahathir, yang menjalani pembedahan pinta-san jantung di IJN pada 24 Januari 1989, menjalani pemeriksaan susulan setiap tahun di IJN.

Bagaimanapun, ia bergantung

kepada keadaan kesihatan beliau, katanya.

Dr. Mahathir dimasukkan ke IJN awal pagi semalam setelah mengadu kurang sihat dan terus dimasukkan ke Unit Rawatan Jantung (CCU), bagaimanapun dipindahkan ke wad biasa selepas didapati hanya mengalami jangkitan flu.

Pada 9 November tahun lepas, Dr. Mahathir dimasukkan ke IJN kerana serangan jantung ringan dan dibenarkan keluar hospital setelah dirawat selama lima hari.

- Bernama